

24 NOV 2000

Mahathir-Mesyuarat

SEMUA PIHAK HARUS TERIMA ANGGOTA ASEAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

SINGAPURA, 24 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Asean mahu ketiga-tiga anggota barunya, Laos, Kemboja dan Myanmar dibenar menghadiri mesyuarat di peringkat antarabangsa dan diterima oleh semua pihak.

"Ini sesuatu yang kita ingin lakukan. Pada masa ini Asean nampaknya seperti dipecahkan oleh tindakan mengetepikan ketiga-tiga negara itu daripada menghadiri mesyuarat di peringkat antarabangsa.

"Mereka dipinggirkan dalam mesyuarat Asia-Eropah (Asem) dan mesyuarat forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec). Pada mesyuarat itu (Asem), semua anggota Kesatuan Eropah (EU) hadir," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas pertemuan secara berasingan dengan rakan sejawatannya Zhu Rongji dari China dan Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai yang menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi Asean keempat di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata pada sidang kemuncak tidak rasmi itu para pemimpin Asean membincangkan penolakan ketiga-tiga anggota Asean itu oleh perkumpulan antarabangsa yang lain.

Tiga anggota Asean yang tidak menyertai Asem ialah Kemboja, Laos dan Myanmar.

Mesyuarat peringkat menteri Asean-EU turut terjejas berikutan pendirian EU itu sejak Myanmar menyertai Asean pada 1997.

Walaupun mesyuarat itu dijadual diadakan buat pertama kalinya di Laos pada bulan depan masih terdapat keraguan sama ada mesyuarat peringkat menteri Asean-EU akan dihadiri semua pihak.

Asem pada masa ini terdiri daripada tujuh negara Asean, China, Korea Selatan dan Jepun di pihak Asia manakala blok Eropah dianggotai 15 anggota EU dan Suruhanjaya Eropah.

Dr Mahathir berkata para pemimpin Asean mahu perkumpulan serantau 10 anggota itu kekal dikenali keseluruhannya sebagai Asean.

Para pemimpin itu menolak idea bahawa sesetengah anggota Asean diterima oleh kumpulan lain manakala anggota lain tidak, katanya.

"Kami mahu menghadiri mesyuarat di peringkat antarabangsa sebagai Asean, walaupun dalam mesyuarat Asem dan Apec," kata beliau.

Asean terdiri daripada Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Thailand, Singapura dan Vietnam.

-- BERNAMA

ARA RYN AKD